



ANWAR Ibrahim mendengar taklimat semasa melawat ruang pameran selepas merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024 di Pusat Konvokesyen Setia City, Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

Dana RM50 juta untuk mahasiswa

Dari muka 1

“Itu disebutkan kecekalan kewangan dan pelaburan kerana kadangkala kita anggap remeh hal-hal demikian, mustahil kalau dimasukkan RM50 kita tak boleh jadi jalan dalam beberapa bulan untuk masukkan RM50.

“Mudah-mudahan dengan simpanan tambahan daripada dana asas itu, boleh kita galakan kefahaman tentang apa erti pelaburan dan jaminan masa depan.

“Dana awal yang disediakan oleh PNB dan syarikat-syarikat berkaitan adalah RM50 juta dan kita harap seluruh anak-anak yang hadir kempen sekali lagi dengan kawan-kawan kerana sasaran kita untuk pelajar 200,000 orang setahun,” katanya ketika berucap merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024 di Pusat Konvokesyen Setia City, di sini, semalam.

Program tersebut adalah cetusan idea warga PNB dan disaran dikembangkan kepada

mahasiswa politeknik serta kolej vokasional.

Inisiatif itu dibangunkan bagi meningkatkan celik kewangan dalam kalangan mahasiswa dengan objektif memasukan mereka mempunyai platform untuk melabur, galakan mula melabur pada usia muda sebelum memulakan pekerjaan dan melengkapkan diri dengan pengetahuan serta alat kewangan.

Anwar berkata, pengurusan universiti juga seharusnya memudahkan pelaksanaan program tersebut supaya dapat menepati sasaran dalam usaha menggalakkan golongan belia celik pelaburan dan melabur.

“Kadangkala kita umum tetapi pelaksanaannya itu banyak, leceh sebab itu bila saya umum kenaikan gaji penjawat awam baru-baru ini, saya terus beri amaran hari ini umum (Jumaat), Isnin kalau lembab macam dulu juga saya tarik balik peruntukan itu.

“Tetapi, syukur kerana kita pantau setiap hari memang ada

satu sikap baharu dan budaya yang lebih baik dalam kalangan penjawat awam dan saya ucapkan tahniah. Insyallah wang akan disalurkan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri meminta PNB membantu sektor pendidikan negara melahirkan lebih ramai jurutera dan individu kemahiran dalam kemahiran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) lebih spesifik bagi memenuhi permintaan pelaburan dalam negara.

“Kita ada masalah kerana sekarang pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) tak cukup. Yang ambil sains dan matematik berkurangan dan semua yang lulus tidak ada tempat, tetapi kita perlu 50,000 hingga 60,000 jurutera.

“Jadi saya harap PNB juga beri perhatian kerana salah satu jentera boleh memikirkan bagaimana dapat diadakan sinergi dengan syarikat-syarikat begitu dan bentuk latihan yang mereka lakukan,” ujarnya.